

KECERDASAN SPIRITUAL DAN CARA GAYA KEPIMPINAN DALAM KALANGAN PEMIMPIN REMAJA DI MALAYSIA

MOHAMAD NAQUIDDIN DAHAMAT AZAM, MARIANI MANSOR
& SITI NOR YAACOB

ABSTRAK

Kajian lepas telah membuktikan bahawa terdapat perkaitan yang bermakna antara tahap kecerdasan spiritual individu dengan cara gaya kepimpinan mereka. Keadaan ini turut juga dibuktikan dalam kajian ini dengan memfokuskan kepada golongan belia peringkat muda (remaja). Kajian ini telah dilaksanakan ke atas 277 orang pemimpin pelajar yang berusia di antara 16 hingga 17 tahun daripada empat buah sekolah berasrama penuh di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Cara gaya kepimpinan responden telah diukur menggunakan Multifactor Leadership Questionnaire Form 6s (MLQ; Bass & Avolio, 1992) sementara kecerdasan spiritual diukur menggunakan Spiritual Intelligence Self-Report Inventory (SISRI; King & DeCicco, 2009). Kajian mendapati wujudnya perkaitan yang signifikan di antara kecerdasan spiritual dengan dua cara gaya kepimpinan, iaitu kepimpinan transformasi dan laissez-faire. Manakala, tiada perkaitan yang signifikan wujud di antara kecerdasan spiritual dengan kepimpinan transaksi. Selain itu, beberapa perkaitan yang signifikan turut wujud di antara sub-komponen kecerdasan spiritual dengan cara gaya kepimpinan transformasi. Kajian ini berjaya membuktikan kepentingan peranan kecerdasan spiritual di dalam proses pembentukan cara gaya kepimpinan. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa kecerdasan spiritual yang positif dapat menjana ke arah keberkesanan corak kepimpinan yang disampaikan oleh pemimpin remaja.

Kata Kunci: *Kecerdasan Spiritual, Cara Gaya Kepimpinan, Pemimpin, Remaja*

ABSTRACT

Past studies have proven a significant meaningful relationship between the level of individual spiritual intelligence and their leadership styles. A similar results were confirmed in this study, where the focus was among the youth (adolescent). This study was conducted among 277 student leaders with age ranged from 16 to 17 years old in four selected boarding schools in north area of Peninsular Malaysia. The respondent's leadership styles were measured by Multifactor Leadership Questionnaire Form 6s (MLQ; Bass & Avolio, 1992) while their spiritual intelligence was measured by Spiritual Intelligence Self-Report Inventory (SISRI; King & DeCicco, 2009). The findings showed a significant relationship between spiritual intelligence and two leadership styles namely transformational and laissez-faire. Meanwhile, no significant relationship was found between spiritual intelligence and transactional leadership. Besides that, this research also finds some significant relationships between the sub-components of spiritual intelligence

and transformational leadership style. This research has verified the important role played by spiritual intelligence in developing the leadership styles. In conclusion, this study found that positive spiritual intelligence would lead to the effectiveness of leadership styles of adolescent leaders.

Keywords: *Spiritual Intelligence, Leadership Style, Leader, Adolescent*

PENDAHULUAN

Masyarakat dunia kini kian menyedari potensi remaja sebagai golongan pelapis kepada barisan kepimpinan pada masa hadapan. Rentetan daripada kesedaran tersebut, kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat mula menggiatkan usaha untuk mengembangkan potensi kepimpinan dalam kalangan remaja dunia. Antara usaha yang dilaksanakan oleh pemimpin Amerika Syarikat adalah menganjurkan beberapa siri persidangan dan program kepimpinan pelajar yang bertujuan untuk membentuk pemimpin masa hadapan yang berdisiplin, berdedikasi dan berkualiti tinggi. Di antara program tersebut ialah Program Kepimpinan Belia 2010 yang diinisiatifkan oleh Universiti Utara Illinois (Northern Illinois University, 2011) dan Persidangan Tahunan Kepimpinan Belia Asia Pasifik yang dianjurkan oleh sebuah yayasan iaitu Projek Kepimpinan Belia Asia Pasifik (APYLP, 2012). Menerusi Program Kepimpinan Belia 2010, pelbagai latihan dan perbincangan yang berpaksikan kepada keyakinan diri, pembangunan komuniti dan kemahiran memimpin secara berkesan telah didedahkan kepada para peserta dalam usaha menyediakan golongan remaja di negara-negara Asia Tenggara sebagai pelapis kepimpinan di masa hadapan (Northern Illinois University, 2011). Sementara itu, Persidangan Tahunan Kepimpinan Belia Asia Pasifik pula mendedahkan para peserta kepada kefungsiannya seorang pemimpin khususnya ahli politik seperti proses pilihanraya, perdebatan dan penggubalan undang-undang di dewan parlimen (APYLP, 2012).

Di negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia, pihak kerajaan turut menitikberatkan keperluan untuk memperkembangkan potensi kepimpinan dalam kalangan belia muda di Malaysia sejak tahun 2006, iaitu menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Di dalam ucapannya ketika pelancaran RMK-9, Mantan Perdana Menteri Malaysia kelima iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi telah menekankan keperluan untuk menerapkan aspek pembangunan modal insan yang jitu di dalam diri para belia muda di samping turut memberi tumpuan dalam pembentukan model kepimpinan yang positif di dalam diri mereka (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Penekanan ini diutarakan dengan harapan para belia di Malaysia tidak mementingkan kebendaan semata-mata dan mempunyai nilai moral dan akhlak yang rendah, tetapi sebaliknya dapat menjadi kelompok belia yang berkualiti yang mampu membarisi kepemimpinan negara di masa hadapan.

Keprihatinan kerajaan terhadap kepimpinan remaja tidak terhenti setakat RMK-9 sahaja. Bahkan, usaha pihak kerajaan dalam mengembangkan potensi

kepimpinan remaja khususnya pelajar sekolah diperkuatkan lagi pada tahun 2008. Ketika membentangkan Bajet Tahunan Malaysia 2008, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan pemberian sepasang uniform secara percuma kepada golongan pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dan miskin (Kementerian Kewangan Malaysia, 2009). Usaha tersebut dilaksanakan sebagai satu usaha untuk memastikan setiap pelajar mampu untuk turut serta di dalam aktiviti kokurikulum di sekolah seperti Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Persatuan Puteri Islam dan lain-lain persatuan. Melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti kokurikulum, beliau yakin para pelajar dapat membina corak kepimpinan yang berkualiti.

Selain aktiviti kokurikulum, pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) turut menyediakan platform lain untuk memangkin pembentukan kepimpinan yang berkualiti dalam kalangan pelajar. Kewujudan pertubuhan kepimpinan pelajar seperti badan pengawas sekolah dan pengawas perpustakaan merupakan salah satu platform yang dibentuk oleh KPM untuk membina kemahiran dan semangat memimpin dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Badan-badan pengawas tersebut diwujudkan dengan tujuan untuk melatih kemahiran para pelajar dalam memimpin pelajar lain di samping turut berperanan dalam membantu guru-guru dan pihak pengurusan sekolah dalam membanteras salah laku yang melibatkan para pelajar.

Di sekolah-sekolah berasrama penuh, kecemerlangan akademik pelajar turut diimbangi dengan pembentukan sahsiah yang terpuji dan modal insan yang cemerlang. Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) iaitu sebuah rangkaian sekolah berasrama penuh yang terkenal dengan produktiviti dalam menghasilkan pelajar-pelajar cemerlang, turut menitikberatkan soal kepimpinan pelajar. Dalam memperkembangkan potensi pelajar sebagai pemimpin yang cemerlang, pelbagai organisasi kepimpinan pelajar dibangunkan oleh MRSM seperti Badan Wakil Pelajar (BWP), Lembaga Disiplin Pelajar (LDP), Lembaga Koperasi Maktab dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Organisasi-organisasi tersebut dibangunkan dengan tujuan untuk melatih para pelajar mengasah kemahiran-kemahiran kepimpinan melalui aktiviti-aktiviti seperti kursus kepimpinan pelajar, kursus pementapan organisasi dan sebagainya. Di samping itu, kewujudan organisasi-organisasi tersebut turut berperanan dalam meluaskan skop praktikal pelajar-pelajar dalam memimpin.

Pelbagai usaha dan tenaga telah digembleng untuk mencapai satu matlamat iaitu membentuk pemimpin yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam kalangan pelajar. Tujuan utama bagi usaha-usaha tersebut adalah untuk menjadikan generasi pemimpin masa hadapan lebih berketrampilan dan berkarisma dan menjauhkan diri daripada mempamerkan sikap-sikap yang negatif seperti materialistik, tidak berakhlak dan memiliki sahsiah diri yang lemah. Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika beliau melancarkan RMK-9 (Abdullah Ahmad Badawi, 2006). Menurut Tun Abdullah, sekiranya sikap-sikap negatif

tersebut wujud di dalam diri pemimpin-pemimpin masa hadapan, ianya mampu melumpuhkan sistem pentadbiran negara serta mengganggu gugat kesejahteraan dan kemajuan negara melalui salah laku-salah laku seperti rasuah, pecah amanah dan pelbagai salah laku yang lain.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, media massa telah melaporkan beberapa kes salah laku yang melibatkan pemimpin pelajar sekolah. Antaranya ialah satu kejadian buli yang berlaku di sebuah sekolah agama di negeri Pahang pada tahun 2005. Dalam kejadian tersebut, ketua pelajar di sekolah terbabit dan beberapa pelajar *senior* lain dilaporkan telah membuli dan memukul seorang pelajar *junior* sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan serius dan berisiko untuk lumpuh (Ruhaidini, 3 Oktober 2010). Dalam satu kes lain, dua puluh orang pelajar di sebuah sekolah berasrama di Seberang Perai, Pulau Pinang telah dirotan oleh beberapa pengawas sekolah kerana didapati merokok di luar kawasan sekolah (Zulfa Mohamad, 26 September 2011). Dalam kejadian yang berlaku pada pertengahan tahun 2011 itu, pengawas-pengawas terbabit dilaporkan telah merotan dan memukul pelajar-pelajar terbabit selain turut memaksa mereka memakan tembakau rokok.

Kes-kes seumpama ini memperlihatkan satu keperluan untuk membentuk cara gaya kepimpinan yang berkesan dan berkualiti dalam kalangan pemimpin pelajar di sekolah. Hal ini kerana cara gaya kepimpinan yang berkualiti dan berkesan dalam kalangan pemimpin pelajar tidak hanya memberi kesan dalam meningkatkan disiplin pelajar, tetapi turut menyumbang kepada peningkatan kualiti kepimpinan pelajar dan mewujudkan keharmonian di sekolah. Justeru itu, menjadi satu keperluan untuk mengkaji faktor-faktor yang berpotensi menyumbang kepada pembentukan cara gaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin pelajar di sekolah. Selain daripada pelbagai faktor luaran seperti inisiatif pihak kerajaan dan kepelbagaian aktiviti kepimpinan, ciri-ciri dalaman seseorang pemimpin juga penting dalam mencipta formula kepimpinan yang berkesan dalam kalangan pemimpin pelajar. Hal ini kerana pemimpin yang berkualiti dikenalpasti mempunyai ciri-ciri internal yang cemerlang (Goleman, 1998; Cowan, 2005).

Kajian-kajian lepas telah mengenalpasti beberapa faktor *internal* yang menyumbang kepada pembentukan cara gaya kepimpinan dalam kalangan remaja seperti estim diri, penglibatan remaja di dalam aktiviti kesukanan, kemahiran sosial dan kecerdasan emosi (McCullough, Ashbridge & Pegg, 1994; Dobosz & Beaty, 1999; Palmer, Walls, Burgess & Stough, 2001; Guerin, Oliver, Gottfried, Gottfried, Reichard & Riggio, 2011). Berlainan dengan fokus yang diberikan oleh kajian-kajian lepas, kajian ini lebih tertumpu untuk mengkaji potensi satu elemen psikologi iaitu kecerdasan spiritual dalam menyumbang kepada pembentukan cara gaya kepimpinan pelajar sekolah. Kecerdasan spiritual dipilih kerana faktor tersebut didapati menyumbang kepada pembentukan cara gaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin dewasa (Gardner & Stough, 2002). Berdasarkan definisi, kecerdasan spiritual merupakan satu set kapasiti minda yang menyumbang kepada kesedaran, integrasi, dan aplikasi perkara-perkara metafizik dan transenden di dalam kehidupan

seseorang individu. Keadaan tersebut mampu mencetuskan tindakan refleksi terhadap isu kewujudan yang mendalam, meningkatkan pemahaman terhadap sesuatu makna dan peristiwa, mengenali perkara-perkara transenden dan menguasai keadaan-keadaan spiritual (King & DeCicco, 2009).

TINJAUAN LITERATUR

Reave (2005) di dalam kajiannya telah mengenalpasti beberapa nilai-nilai spiritual yang diperlukan secara kritikal dalam proses membentuk pemimpin yang berkesan dan produktif iaitu nilai integriti, komunikasi secara jujur, dan rendah diri. Nilai integriti disifatkan sebagai kritikal dalam kepimpinan kerana pemimpin yang memiliki integriti peribadi yang kukuh mampu menonjolkan tingkah laku dan sikap yang beretika. Bahkan, Reave (2005) berpendapat bahawa integriti peribadi dan tingkah laku beretika perlu wujud bersama. Sekiranya dua elemen tersebut tidak disatukan, penerimaan dan kepercayaan para pengikut terhadap pemimpin akan berkurangan. Di samping itu, kejujuran komunikasi antara pemimpin dan pengikut turut memangkin corak kepimpinan yang berkesan. Pemimpin yang mampu menerima kritikan dan maklum balas negatif secara optimis boleh dikategorikan sebagai rendah diri, dan ianya merupakan satu nilai spiritual yang berkualiti di dalam diri pemimpin yang berjaya (Reave, 2005).

Burke (2006) turut berpendapat bahawa kepimpinan yang berkesan dapat dipupuk melalui elemen spiritual, disamping keperluan untuk mengintegrasikan beberapa elemen lain seperti psikologi, sosiologi dan teknologi. Hal ini kerana kepimpinan yang didasari oleh nilai-nilai spiritual boleh memberi kesan yang positif kepada diri pemimpin, organisasi dan masyarakat sekeliling. Malahan, kepimpinan spiritualiti mampu mengubah persepsi atau pandangan para pemimpin berkenaan pembangunan, daripada aspek materialistik semata-mata kepada bentuk pembangunan yang mementingkan keperluan manusia sejagat (Burke, 2006).

Amram (2009) di dalam kajiannya telah mengkaji sumbangan kecerdasan spiritual ke atas keberkesanan memimpin dalam kalangan 42 orang ketua pegawai eksekutif (*Chief Executive Officer*; CEO) daripada pelbagai syarikat dan 210 orang pekerja daripada syarikat-syarikat tersebut. Berdasarkan kajian tersebut didapati kecerdasan spiritual yang dimiliki oleh CEO syarikat yang terlibat telah mempengaruhi keberkesanan kepimpinan mereka. Pekerja-pekerja yang terlibat sebagai responden kajian turut melaporkan bahawa kecerdasan spiritual yang dimiliki oleh CEO syarikat mereka memberi kesan positif kepada organisasi. Justeru itu, Amram (2009) berpendapat kecerdasan spiritual sebagai salah satu faktor yang berpotensi menyumbang ke arah bentuk kepimpinan yang berkesan.

Satu kajian empirikal yang dilaksanakan oleh seorang pengkaji tempatan, Faisal (2007) telah mengkaji potensi kecerdasan spiritual dalam mempengaruhi cara gaya kepimpinan transformasi dalam kalangan 261 orang pengurus di sebuah institut pengajian tinggi awam di Malaysia. Daripada kajian tersebut, didapati pengurus

yang mempamerkan kepimpinan transformasi pada tahap yang tinggi merupakan individu yang memiliki tahap kecerdasan spiritual yang tinggi. Rentetan daripada hasil kajian tersebut, Faisal (2007) berpendapat bahawa kecerdasan spiritual berpotensi menyumbang ke arah pembinaan bentuk kepimpinan yang positif seperti kepimpinan transformasi.

Tinjauan ke atas kajian-kajian lepas mendapati kecerdasan spiritual amat berpotensi menyumbang ke arah pembentukan cara gaya kepimpinan seorang pemimpin. Dapatan tersebut boleh dijadikan satu petunjuk dalam membuat jangkaan berkenaan hubungan di antara kecerdasan spiritual dan cara gaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin pelajar sekolah, yang merupakan salah satu fokus utama bagi kajian ini.

METODOLOGI

Tinjauan atau survei telah dilakukan ke atas sampel kajian yang terdiri daripada pemimpin remaja dari empat buah sekolah berasrama penuh di kawasan utara Semenanjung Malaysia yang meliputi empat buah negeri iaitu Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang. Responden terdiri daripada pemimpin tertinggi iaitu pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari dalam setiap pertubuhan pelajar sama ada badan kepimpinan ataupun kegiatan kokurikulum. Seramai 277 orang pemimpin pelajar yang berumur antara 16 hingga 17 tahun telah dipilih sebagai responden kajian.

Di dalam kajian ini, dua alat pengukuran telah digunakan dalam mengumpulkan maklumat berkenaan cara gaya kepimpinan dan kecerdasan spiritual. Alat pengukuran pertama ialah soal selidik cara gaya kepimpinan oleh Bass & Avolio (1992) iaitu *Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ) Form 6s*. Berdasarkan kefungsiannya, MLQ 6s mengukur tiga bentuk cara gaya kepimpinan, iaitu transformasi, transaksi dan *laissez faire* melalui 21 item (Bass et al., 1992). Item-item yang dikemukakan dalam MLQ 6s adalah dinilai dengan menggunakan skala Likert skala 5-mata dengan jumlah skor dikira berdasarkan skala likert: 1 (tidak sesekali) sehingga 5 (kerap).

Alat pengukuran kedua ialah *Spiritual Intelligence Self Report Inventory (SISRI)* yang berfungsi untuk mengakses kecerdasan spiritual melalui 24 item (King et al., 2009). Selain mengukur kecerdasan spiritual secara keseluruhan, SISRI turut mengukur empat komponen kecerdasan spiritual iaitu pemikiran kewujudan yang kritikal, penghasilan maksud peribadi, kesedaran transenden, dan perkembangan keadaan sedar. Setiap item yang dikemukakan di dalam SISRI dinilai dengan menggunakan skala Guttman berskala 5-mata dengan jumlah skor dikira berdasarkan skala Guttman: 0 (langsung tidak benar kepada saya) sehingga 4 (sama sekali benar kepada saya). Di dalam SISRI, hanya satu item yang bersifat negatif dan perlu dikodkan semula. Skor yang tinggi menunjukkan responden mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi. SISRI mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan keadah test-retest (King et al., 2009). Kadar kebolehpercayaan

SISRI yang dicatatkan di dalam kajian ini ialah 0.811.

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Daripada analisis deskriptif yang telah dilakukan terhadap cara gaya kepimpinan, hasil kajian mendapati responden kajian mencatatkan purata skor yang tinggi pada cara gaya kepimpinan transformasi (purata=3.75, sisihan piawai=0.53), berbanding kepimpinan transaksi (purata=2.77, sisihan piawai=0.35) dan *laissez-faire* (purata=2.39, sisihan piawai=0.72). Berdasarkan Jadual 1, responden kajian turut mencatatkan purata skor yang tinggi pada empat tingkah laku kepimpinan transformasi pengaruh ideal (purata=3.69, sisihan piawai=0.62), motivasi inspirasi (purata=3.80, sisihan piawai=0.63), stimulasi intelektual (purata=3.73, sisihan piawai=0.78) dan pertimbangan individu (purata=3.78, sisihan piawai=0.66). Responden kajian turut mencatatkan skor yang tinggi pada satu tingkah laku kepimpinan transaksi iaitu ganjaran kontinjen (purata=3.56, sisihan piawai=0.69). Manakala, skor purata pada tingkah laku pengurusan melalui pengecualian adalah rendah (purata=1.97, sisihan piawai=0.62).

Jadual 1: Cara Gaya Kepimpinan Responden

Angkubah	Purata	Sisihan Piawai
Kepimpinan transformasi	3.75	0.53
Pengaruh ideal	3.69	0.62
Motivasi inspirasi	3.80	0.63
Stimulasi intelektual	3.73	0.78
Pertimbangan individu	3.78	0.66
Kepimpinan Transaksi	2.77	0.35
Ganjaran kontingen	3.56	0.69
Pengurusan melalui pengecualian	1.97	0.62
Kepimpinan Laissez-Faire	2.39	0.72

Hasil kajian ini adalah sama seperti yang dilaporkan dalam kajian lepas (Mariani & Mohamad Naquiddin, 2011) iaitu responden kajian adalah berkecenderungan tinggi untuk mempamerkan cara gaya kepimpinan transformasi berbanding kepimpinan transaksi dan *laissez-faire*. Berdasarkan corak kekerapan, responden kajian didapati mempraktikkan setiap tingkah laku kepimpinan transformasi iaitu pengaruh ideal, motivasi inspirasi, stimulasi intelektual dan pertimbangan individu di tahap yang baik. Responden kajian turut menunjukkan tahap yang baik pada satu tingkah laku kepimpinan transaksi iaitu ganjaran kontingen. Manakala, satu tingkah laku kepimpinan transaksi iaitu pengurusan melalui pengecualian dan tingkah laku kepimpinan *laissez-faire* yang dipamerkan responden adalah berada pada tahap yang rendah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden kajian lebih cenderung untuk mempamerkan tingkah laku kepimpinan yang bersifat positif dengan penekanan terhadap keperluan

emosi dan spiritual responden seperti mana yang terkandung di dalam tingkah laku kepimpinan transformasi. Selain itu, responden kajian kurang cenderung untuk mempamerkan tingkah laku kepimpinan yang bersifat negatif kerana ianya boleh melemahkan bentuk kepimpinan mereka.

Selain itu, analisis deskriptif turut dilakukan ke atas tahap kecerdasan spiritual. Berdasarkan Jadual 2, didapati responden kajian telah mencatatkan purata skor kecerdasan spiritual sebanyak 2.91 (sisihan piawai=0.41) daripada skor penuh 4.00 dan nilai tersebut menunjukkan tahap kecerdasan spiritual yang tinggi. Responden kajian turut mencatatkan tahap kebolehan yang tinggi pada setiap sub-komponen kecerdasan spiritual dengan skor purata bagi pemikiran kewujudan yang kritikal (purata=2.62, sisihan piawai=0.58), penghasilan maksud peribadi (purata=3.15, sisihan piawai=0.58), kesedaran transenden (purata=2.95, sisihan piawai=0.44) dan perkembangan keadaan sedar (purata=3.00, sisihan piawai=0.55).

**Jadual 2: Analisis Deskriptif Kecerdasan Spiritual
(keseluruhan dan komponen)**

Angkubah	Purata	Sisihan Piawai
Kecerdasan Spiritual	2.91	0.41
Pemikiran kewujudan yang kritikal	2.62	0.58
Penghasilan maksud peribadi	3.15	0.58
Kesedaran transenden	2.95	0.44
Perkembangan keadaan sedar	3.00	0.55

Berdasarkan hasil kajian, didapati tahap kecerdasan spiritual responden adalah tinggi dengan responden kajian telah menunjukkan kemahiran yang cemerlang pada dua komponen kecerdasan spiritual penghasilan maksud peribadi dan perkembangan keadaan sedar manakala dua komponen lain iaitu pemikiran kewujudan yang kritikal dan kesedaran transenden yang dimiliki responden turut berada pada tahap yang baik. Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa responden berjaya mengeksplorasi dan mendalami maksud kecerdasan spiritual di dalam diri mereka. Di samping itu, responden kajian turut menunjukkan tahap kebolehan yang baik dalam membina makna dan tujuan hidup, menerima elemen transenden di dalam diri, mencapai tahap kesedaran yang tinggi dan berfikir secara mendalam berkenaan kewujudan sesuatu perkara khususnya yang melibatkan perkara-perkara metafizik.

Kecerdasan Spiritual dan Cara gaya Kepimpinan

Analisa ke atas perkaitan antara pemboleh ubah yang dikaji khususnya kecerdasan spiritual dan cara gaya kepimpinan turut dilakukan dengan menggunakan analisis pekali korelasi Pearson dan hasil analisis tersebut dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Hasil Analisis Korelasi Pearson di antara Kecerdasan Spiritual dengan Tiga Jenis Cara Gaya Kepimpinan (Transformasi, Transaksi, *Laissez-Faire*)

Angkuabah	Nilai r		
	Kepimpinan Transformasi	Kepimpinan Transaksi	Kepimpinan <i>Laissez-Faire</i>
Kecerdasan spiritual	.596**	.037	-.124*
Pemikiran kewujudan yang kritikal	.344**	-.017	-.111
Penghasilan maksud peribadi	.509**	.116	-.021
Kesedaran transenden	.464**	.033	-.116
Perkembangan keadaan sedar	.526**	-.099	-.112

* $p < 0.05$; ** $p < 0.01$

Berdasarkan jadual, didapati kecerdasan spiritual menunjukkan perkaitan signifikan yang positif dengan kepimpinan transformasi ($r=.478$, $p<0.01$). Manakala, satu perkaitan yang negatif wujud di antara kecerdasan spiritual dengan kepimpinan *laissez-faire* ($r=-.124$, $p<0.05$). Walau bagaimanapun, kecerdasan spiritual tidak menunjukkan sebarang perkaitan signifikan yang signifikan dengan kepimpinan transaksi ($r=-.037$, $p\geq 0.05$). Berdasarkan hasil kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa kecerdasan spiritual mempunyai perkaitan dengan dua cara gaya kepimpinan iaitu kepimpinan transformasi dan *laissez-faire* namun corak perkaitan bagi dua cara gaya kepimpinan tersebut adalah berbeza dengan kecerdasan spiritual berkait secara positif dengan kepimpinan transformasi manakala bagi kepimpinan *laissez-faire*, perkaitan yang dicatatkan adalah bersifat negatif. Situasi tersebut jelas menunjukkan bahawa peningkatan dalam kecerdasan spiritual berpotensi meningkatkan kebolehan responden untuk menggayakan cara gaya kepimpinan transformasi dan mengurangkan kecenderungan dalam mempamerkan kepimpinan *laissez-faire*.

Hasil kajian tersebut secara langsung telah menyokong hasil kajian lepas iaitu pemimpin belia yang memiliki tahap kecerdasan spiritual yang tinggi adalah berpotensi untuk mempamerkan cara gaya kepimpinan yang berkesan seperti kepimpinan transformasi (Faisal, 2007; Amram, 2009). Keadaan tersebut berlaku adalah disebabkan oleh dorongan sifat dan tingkah laku yang dipamerkan oleh pemimpin transformasi yang berpaksikan kepada nilai positif dan mulia seperti kepercayaan, kesetiaan dan integriti (Bass, 1990) yang juga merupakan asas kepada pembentukan kecerdasan spiritual (Zohar & Marshall, 2000). Manakala, hubungan negatif yang wujud di antara kecerdasan spiritual dan kepimpinan *laissez-faire* menjelaskan bahawa pemimpin remaja yang mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang baik di dalam diri mereka kurang berpotensi untuk mempamerkan cara gaya kepimpinan yang lemah dan tidak bertanggungjawab seperti kepimpinan *laissez-faire*. Namun begitu, kekurangan pada nilai integriti dan tingkah laku beretika

yang merupakan asas kepada kecerdasan spiritual merupakan faktor utama kepada kealpaan dan sikap kurang berdisiplin oleh pemimpin jenis *laissez-faire* (Reave, 2005).

Ketiadaan hubungan antara kecerdasan spiritual dengan kepimpinan transaksi membuktikan bahawa kecerdasan spiritual bukan merupakan satu faktor penting bagi pembentukan kepimpinan transaksi. Situasi ini adalah relevan sejajar dengan sifat semula jadi kepimpinan transaksi yang lebih mementingkan elemen materialistik di dalam corak kepimpinan mereka. Sifat tersebut adalah berlawanan dengan fungsi kecerdasan spiritual yang lebih tertumpu kepada kewujudan hubungan yang harmoni dan sejahtera di antara individu dengan individu lain serta persekitaran yang wujud sama ada berbentuk fizikal atau metafizik.

Di samping itu, kajian juga berjaya membuktikan wujudnya perkaitan yang signifikan di antara sub-komponen kecerdasan spiritual dengan cara gaya kepimpinan transformasi. Empat komponen kecerdasan spiritual yang diuji telah menunjukkan perkaitan yang signifikan dengan kepimpinan transformasi dengan pemikiran kewujudan yang kritikal ($r=.344$, $p < 0.01$), penghasilan maksud peribadi ($r=.509$, $p < 0.01$), kesedaran transenden ($r=.464$, $p < 0.01$) dan perkembangan keadaan sedar ($r=.526$, $p < 0.01$). Selain itu, kajian mendapati bahawa keempat-empat komponen kecerdasan spiritual tersebut tidak menunjukkan sebarang perkaitan yang signifikan terhadap dua cara gaya kepimpinan lain iaitu kepimpinan transaksi dan *laissez-faire*.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan yang baik pada setiap dimensi kecerdasan spiritual seperti pemikiran kewujudan yang kritikal, penghasilan maksud peribadi, kesedaran transenden dan perkembangan keadaan sedar berpotensi menyumbang ke arah pembentukan cara gaya kepimpinan transformasi dalam kalangan responden. Responden yang mampu membina makna dan tujuan hidup, menerima elemen transenden di dalam diri, mencapai tahap kesedaran yang tinggi dan berfikir secara mendalam berkenaan kewujudan perkara metafizik mudah untuk memupuk nilai positif dan integriti dalam kepimpinan mereka seperti mana yang terkandung dalam ciri pemimpin transformasi. Sehubungan itu, kajian ini menyokong idea yang diutarakan oleh Howard, Guramatunhu-Mudiwa dan White (2009) bahawa kecerdasan spiritual amat diperlukan dalam memantapkan bentuk kepimpinan transformasi khususnya dalam kalangan pemimpin di sektor pendidikan. Tiada perkaitan di antara elemen kecerdasan spiritual dengan cara gaya kepimpinan transaksi dan *laissez-faire* menunjukkan bahawa pembentukan kedua-dua bentuk kepimpinan tersebut tidak memerlukan sebarang bentuk pengetahuan dan pemahaman pemimpin belia terhadap komponen-komponen kecerdasan spiritual khususnya pada pemikiran kewujudan yang kritikal, penghasilan maksud peribadi, kesedaran transenden dan perkembangan keadaan sedar.

KESIMPULAN

Kecerdasan spiritual mampu berperanan sebagai faktor penentu kepada cara gaya kepimpinan oleh pemimpin belia. Pembentukan kecerdasan spiritual yang mantap dijangka mampu memangkin proses pembentukan cara gaya kepimpinan yang berkesan khususnya kepimpinan transformasi dalam kalangan belia muda khususnya remaja di Malaysia. Justeru itu, perancangan program yang sistematik dan berterusan perlu dilakukan bagi meningkatkan kecerdasan spiritual para remaja di Malaysia, khususnya pelajar sekolah yang akhirnya menjana kepada pembentukan generasi kepimpinan yang cemerlang di masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi. 2006. *Membina tamadun, menjulang martabat negara: Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010 di Dewan Rakyat*, 31 Mac 2006. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan.
- Amram, J. Y. 2009. *The Contribution of Emotional And Spiritual Intelligences To Effective Business Leadership*. Institute of Transpersonal Psychology.
- APYLP. 2012. *Conference Program*. Dimuat turun pada 13 Januari 2012 daripada <http://www.apylyp.org/program.php#archive>
- Bass, B. M. 1990. *Bass & Stogdill's Handbook of Leadership: Theory, Research and Managerial Applications (Third Edition)*. New York: The Free Press.
- Bass, B. M., & Avolio, B. J. 1992. Multifactor Leadership Questionnaire Form 6S. in Northouse, P. G. 1997. *Leadership: Theory and Practice*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Burke, R. 2006. Leadership and spirituality. *Foresight*, 8, 6, 14-25.
- Cowan, D.A. 2005. Translating Spiritual Intelligence into Leadership Competencies. *Journal of Management, Spirituality & Religion*, 2, 1, 3-38.
- Dobosz, R. P. & Beaty, L. A. 1999. The relationship between athletic participation and high school students' leadership ability. *Adolescence*, 34, 133, 215-220.
- Faisal, R. F. 2007. The Influence of Emotional Quotient and Spiritual Quotient with Transformational Leadership among Managers in Universiti Utara Malaysia. *Kertas Kerja*. Universitas Andalas.

- Gardner, L., & Stough, C. 2002. Examining The Relationship Between Leadership and Emotional Intelligence in Senior Level managers. *Leadership & Organization Development Journal*, 23, 2, 68-78.
- Goleman, D. 1998. What Makes a Leader? Dalam *Harvard Bussiness Review on What Makes a Leader*. Boston: Harvard Bussiness School Publishing Corporation, 1-25.
- Guerin, D. W., Oliver, P. H., Gottfried, A. W., Gottfried, A. E., Reichard, R. J., & Riggio, R. E. (2011). Childhood and adolescent antecedents of social skills and leadership potential in adulthood: Temperamental approach/withdrawal and extraversion. *The Leadership Quarterly*, 22, 3, 482-494.
- Howard, B. B., Guramatunhu-Mudiwa, P., & White, S. R. 2009. Spiritual Intelligence and Transformational Leadership: A New Theoretical Framework. *Journal of Curriculum and Instruction*, 3, 2, 54-67.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2009. *Ucapan Bajet Tahun 2008 oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Ketika Membentang Rang Undang-undang Perbekalan (2008) di Dewan Rakyat Pada 7 September 2007*. Dimuat turun pada 20 Julai 2009 daripada <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub08.pdf>
- King, D.B. & Decicco, T.L. 2009. A Viable Model and Self-Report Measure of Spiritual Intelligence. *Internaional Journal of Transpersonal Studies*, 28, 68-85.
- Mariani, M., & Mohamad Naquiddin, D. A. 2011. Kecerdasan Emosi dan Cara Gaya Kepimpinan Dalam Kalangan Pemimpin Pelajar di Bandar Baru Bangi, Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 4, 179-193.
- McCullough, P. M., Ashbridge, D. & Pegg, R. 1994. The effect of self-esteem, family structure, locus of control, and career goals on adolescent leadership behavior. *Adolescence*, 29, 115, 605-611.
- Palmer, B., Walls, M., Burgess, Z., & Stough, C. 2001. Emotional Intelligence and Effective Leadership. *Leadership and Organization Development Journal*, 22, 5-10.
- Reave, L. 2005. Spiritual values and pratices related to leadership effectiveness. *The Leadership Quarterly*, 16, 655-687.
- Ruhaidini, A. K. 2005. Saya malu, sedih, dukacita – Sultan. Dimuat turut pada 3 Disember 2011, daripada: http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0615&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm

Shabani, J., Hassan, S. A., Ahmad, A. & Baba, M. 2010. Moderating Influence of Gender on the Link of Spiritual and Emotional Intelligences with Mental Health among Adolescents. *Life Science Journal*, 8, 1, 106-112.

Zohar, D. & Marshall, I. 2000. *Spiritual Capital: Wealth we can live by*. San Francisco, Berrett-Koehler Publisher.

Zulfa Mohamad (2011). *20 disebat pengawas*. Dimuat turut pada 26 September 2011, daripada: <http://www.hmetro.com.my/articles/20disebatpengawas/Article/>

Profil Penulis

Mohamad Naquiuddin Bin Dahamat Azam, MSc.

Tutor

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

naquiuddin@putra.upm.edu.my

Mariani Mansor, PhD.

Pensyarah Kanan

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

mariani@putra.upm.edu.my

Siti Nor Yaacob, PhD.

Pensyarah Kanan

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

sitinor@putra.upm.edu.my